



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PENDIRIAN MALAYSIA BERHUBUNG “PETA STANDARD CHINA EDISI 2023”

Kementerian Luar Negeri merujuk kepada “Peta Standard China Edisi 2023” (*2023 edition of the standard map of China*) yang dikeluarkan Kementerian Sumber Asli Republik Rakyat China pada 28 Ogos 2023. Peta tersebut, antara lain, menunjukkan tuntutan maritim sepihak (*unilateral act*) China yang melangkaui kawasan maritim Malaysia di Sabah dan Sarawak berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979.

Seperti yang ditegaskan Kerajaan Malaysia berhubung isu Laut China Selatan sebelum ini termasuk isu persempadanan maritim, Malaysia secara konsisten menolak tuntutan kedaulatan, hak kedaulatan dan bidang kuasa mana-mana pihak asing ke atas fitur maritim atau kawasan maritim negara kita berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Dalam konteks ini, Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, seperti yang digariskan dalam “Peta Standard China Edisi 2023” yang meliputi kawasan maritim Malaysia. Peta tersebut sama sekali tidak mengikat Malaysia.

Malaysia berpandangan bahawa isu Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Isu ini perlu dikendalikan secara aman dan rasional melalui dialog dan rundingan berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (UNCLOS 1982).

Malaysia komited untuk terus bekerjasama bagi memastikan semua pihak melaksanakan Deklarasi Tatalaku Pihak–pihak Berkepentingan di Laut China Selatan (*Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea - DOC*) secara menyeluruh dan efektif. Malaysia juga komited terhadap proses rundingan Kod Tatalaku di Laut China Selatan (*Code of Conduct in the South China Sea – COC*) yang efektif dan substantif, serta terhadap sasaran untuk memuktamadkan COC seawal mungkin.

PUTRAJAYA
30 Ogos 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my